

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DALAM KONTEKS PENGAJIAN ISLAM: PELAKSANAAN, CABARAN DAN MASA DEPAN DI ERA DIGITAL

LIFELONG LEARNING IN THE CONTEXT OF ISLAMIC STUDIES: IMPLEMENTATION, CHALLENGES, AND FUTURE IN THE DIGITAL ERA

Fadhilah Adibah Ismail^{1*}
Suliah Mohd Aris²
Hanifah Musa Fathullah Harun³
Norraidah Abu Hassan⁴

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
(E-mail: fadhilah97@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
(E-mail: sulia384@uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS)Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
(hanifah0704@uitm.edu.my)

⁴ Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Malaysia
(norraidah@uitm.edu.my)

*Corresponding author: fadhilah97@uitm.edu.my

Article history

Received date : 9-7-2025
Revised date : 10-7-2025
Accepted date : 4-9-2025
Published date : 10-9-2025

To cite this document:

Ismail, F. A., Mohd Aris, S., Harun, H. M. F., & Abu Hassan, N. (2025). Pembelajaran sepanjang hayat dalam konteks Pengajian Islam: Pelaksanaan, cabaran dan masa depan di era digital. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*10 (76), 347 - 357.

Abstrak: *Kertas kerja ini membincangkan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dalam pengajian Islam di Malaysia, dengan memberi tumpuan kepada kerangka pelaksanaan, isu, cabaran, serta cadangan penyelesaian masa depan. Kaedah Pembelajaran Sepanjang Hayat yang diketengahkan termasuk pengajian separuh masa, Open and Distance Learning (ODL), Massive Open Online Courses (MOOC), micro-credential, Work-Based Learning (WBL), serta Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL.A dan APEL.C). Analisis ini turut mengambil kira pelaksanaan sijil pengajian seperti di Universiti Malaya. Dapatan kajian menekankan bahawa walaupun pembelajaran sepanjang hayat pengajian Islam semakin mendapat tempat dalam ekosistem pendidikan tinggi, ia berdepan cabaran besar dari aspek kesahihan kandungan, literasi digital, penerimaan institusi, standardisasi, infrastruktur, motivasi pelajar, serta keseimbangan antara tradisi dan inovasi. Artikel ini mengemukakan cadangan konkrit berdasarkan 15 rujukan jurnal berindeks bagi memperkukuh pembelajaran*

sepanjang hayat pengajian Islam agar lebih inklusif, berkualiti dan sejajar dengan maqasid syariah.

Kata kunci: *Pembelajaran Sepanjang Hayat, Pengajian Islam, ODL, MOOC, Micro-credential, WBL, Pendidikan Digital*

Abstract: *This paper discusses Lifelong Learning (LLL) in Islamic studies in Malaysia, focusing on its implementation framework, issues, challenges, and future solutions. The Lifelong Learning methods highlighted include part-time studies, Open and Distance Learning (ODL), Massive Open Online Courses (MOOC), micro-credential, Work-Based Learning (WBL), and the Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL.A and APEL.C). This analysis also considers the implementation of study certificates, such as those at Universiti Malaya. The findings emphasize that while lifelong learning in Islamic studies is gaining ground in the higher education ecosystem, it faces significant challenges related to content validity, digital literacy, institutional acceptance, standardization, infrastructure, student motivation, and the balance between tradition and innovation. This article proposes concrete solutions based on 15 indexed journal references to strengthen lifelong learning in Islamic studies, making it more inclusive, high-quality, and aligned with the principles of maqasid shariah.*

Kata Kunci: *Lifelong Learning, Islamic Studies, ODL, MOOC, Micro-credential, WBL, Digital Education*

Pengenalan

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) telah diiktiraf sebagai satu keperluan strategik dalam konteks pendidikan global. Bagi Malaysia, agenda pembelajaran sepanjang hayat digerakkan melalui Pelan Induk Pendidikan Tinggi dan disokong oleh aspirasi MyDIGITAL. Dalam konteks pengajian Islam, pembelajaran sepanjang hayat memainkan peranan penting kerana ia bukan sekadar penyampaian ilmu, tetapi juga pembentukan sahsiah, kefahaman maqasid syariah, serta pengukuhan nilai rohani. Bentuk-bentuk pembelajaran sepanjang hayat yang wujud termasuk program, separuh masa, ODL, micro-credential, MOOC, WBL, dan APEL.A serta APEL.C yang memberi ruang pengiktirafan kepada pengalaman pembelajaran tidak formal dan informal. Tambahan pula, universiti seperti Universiti Malaya telah memperkenalkan sijil pengajian Islam yang membolehkan masyarakat umum menyertai program akademik tanpa perlu mendaftar sebagai pelajar sepenuh masa. Kerangka ini membuktikan fleksibiliti sistem pendidikan tinggi Malaysia dalam memenuhi keperluan pembelajaran sepanjang hayat pengajian Islam.

Latar Belakang Kajian

Kajian ini akan mengkaji konsep pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dalam konteks pengajian Islam yang mana merangkumi proses pembelajaran berterusan tanpa mengira usia atau latar belakang, adalah selaras dengan prinsip-prinsip Islam yang menganjurkan umatnya untuk terus mencari ilmu dari buaian hingga ke liang lahad. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Menuntut ilmu adalah kewajiban atas setiap Muslim” (Riwayat Ibn Majah)

Dalam era digital, akses kepada maklumat dan platform pembelajaran telah membuka peluang baharu yang luas untuk pembelajaran sepanjang hayat dalam pengajian Islam. Walau bagaimanapun, perkembangan ini juga membawa cabaran, termasuk isu-isu kesahihan sumber,

penyebaran maklumat yang tidak tepat, dan keperluan untuk menyesuaikan metodologi pengajaran tradisional dengan teknologi moden. Oleh itu, kajian ini penting untuk meneliti sejauh mana pembelajaran sepanjang hayat dalam pengajian Islam dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam era digital, serta mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi oleh para pengamal, pelajar, dan institusi. Selain itu, kajian ini juga akan merangka cadangan untuk masa depan pembelajaran sepanjang hayat dalam pengajian Islam bagi memastikan ia kekal relevan dan berkesan dalam menghadapi perubahan teknologi yang pesat.

Kajian Literatur

Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam Konteks Pengajian Islam

Kajian ini meneliti pelaksanaan, cabaran, dan masa depan pembelajaran sepanjang hayat dalam pengajian Islam di era digital seiring dengan prinsip-prinsip Islam yang menggalakkan pencarian ilmu berterusan, semakin relevan dalam landskap pendidikan kontemporari. Kajian literatur ini merangkumi pelbagai aspek, dari pelaksanaan, penggunaan teknologi, hinggalah kepada cabaran yang dihadapi.

Pelaksanaan dan Integrasi Teknologi

Pelaksanaan pembelajaran sepanjang hayat dalam pengajian Islam telah banyak dipengaruhi oleh kemajuan teknologi. Gilliat-Ray (2020) membincangkan tentang akademi dalam talian dan bagaimana ia membentuk semula pendidikan Islam di era digital. Aspek pedagogi turut dikaji, dengan Basir @ Ahmad et al. (2015) menekankan keperluan untuk mengintegrasikan pedagogi tradisional dengan pendekatan moden bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran. Nor et al. (2022) dan Said et al. (2023) pula memberi fokus kepada interaksi dalam pembelajaran jarak jauh dan penggunaan MOOCs (Massive Open Online Courses) untuk subjek pengajian Islam, khususnya dalam pengajaran amalan Islam seperti solat. Kajian oleh Abdulh (2024) pula menunjukkan pendekatan yang inovatif dalam PSH, dengan membangunkan modul Al-Quran khusus untuk warga emas, menunjukkan bahawa pembelajaran sepanjang hayat boleh disesuaikan untuk kumpulan demografi yang berbeza.

Cabaran dan Isu

Secara umumnya, walaupun potensi pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dalam pengajian Islam adalah besar, pelbagai cabaran tetap wujud yang boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaannya, khususnya dalam era digital. Kajian-kajian semasa telah mengenal pasti beberapa isu utama yang perlu diberi perhatian. Pouladi et al. (2023) menekankan bahawa halangan infrastruktur seperti capaian internet yang tidak stabil, kekurangan peranti digital, dan sokongan teknikal yang terhad boleh menjejaskan akses dan kualiti pembelajaran dalam talian. Halangan ini memberi kesan langsung kepada golongan pelajar yang berada di kawasan luar bandar atau kurang berkemampuan, sekaligus menimbulkan jurang digital dalam kalangan masyarakat Islam. Al-Harhi et al. (2023) pula menyorot kepentingan kesediaan digital pelajar dalam menerima pembelajaran melalui platform seperti Massive Open Online Courses (MOOCs). Kajian mereka menunjukkan bahawa walaupun platform ini menawarkan fleksibiliti dan akses terbuka, tahap literasi digital yang rendah dalam kalangan pelajar boleh menjadi penghalang kepada keberkesanan pembelajaran. Ini menunjukkan keperluan kepada latihan dan sokongan berterusan bagi meningkatkan kemahiran digital pelajar.

Dalam konteks yang lebih khusus, Guefara, El Syam, & Suwadi (2024) mengupas isu dan cabaran dalam pelaksanaan micro-credential dalam pengajian Islam. Micro-credential merupakan bentuk PSH yang semakin popular kerana ia menawarkan pembelajaran berskala

kecil yang fleksibel dan berfokus. Namun, kajian mereka mendapati bahawa terdapat kekangan dari segi pengiktirafan formal, kesesuaian kandungan dengan nilai-nilai Islam, serta kebimbangan terhadap kesahihan sumber ilmu yang disampaikan melalui platform digital. Secara keseluruhannya, kajian-kajian ini menunjukkan bahawa walaupun teknologi digital membuka peluang besar kepada PSH dalam pengajian Islam, pelaksanaannya memerlukan pendekatan yang teliti dan strategik. Cabaran-cabaran ini perlu ditangani secara sistematik agar pembelajaran sepanjang hayat dapat dilaksanakan secara inklusif, sah, dan berkesan dalam membentuk generasi Muslim yang berilmu dan berakhlak.

Masa Depan dan Implikasi Pembelajaran Sepanjang Hayat

Masa depan pembelajaran sepanjang hayat dalam pengajian Islam bergantung pada keupayaan institusi untuk menyesuaikan diri dengan keperluan pasaran kerja dan perkembangan teknologi. Dalam dunia yang dipacu oleh Revolusi Industri 4.0 dan kini menuju ke arah Revolusi Industri 5.0, pendekatan pendidikan Islam tidak lagi boleh bersifat statik atau eksklusif kepada kaedah tradisional semata-mata. Menurut Rushami Zien, Y. et al. (2024) adalah penting memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat di institusi Islam. Ini termasuk membina ekosistem pembelajaran yang menyokong pembelajaran sendiri, fleksibel, dan berterusan. Budaya ini perlu dimainkan oleh semua pihak yang bukan sahaja melibatkan pelajar, tetapi juga pensyarah, pentadbir, dan masyarakat secara keseluruhan. Tanpa budaya yang menyokong PSH, sebarang inisiatif digital atau inovatif berisiko gagal mencapai impaknya.

Shaikh et al. (2025) pula menunjukkan bagaimana penerimaan terhadap Massive Open Online Courses (MOOCs) dalam bidang kewangan Islam membuka ruang baharu untuk menghubungkan pengajian Islam dengan kemahiran pekerjaan. Ini menunjukkan bahawa PSH dalam pengajian Islam bukan sahaja relevan untuk pembangunan rohani dan intelektual, tetapi juga penting dalam membina kebolehpasaran graduan. Integrasi antara ilmu Islam dan kemahiran profesional ini menjadi kunci kepada pendidikan Islam yang holistik dan kontemporari. Kajian Varadarajan et al. (2023) dan Gamage et al. (2025) pula memberikan gambaran yang lebih luas tentang *micro-credential* dan hubungannya dengan kebolehpasaran, menunjukkan bahawa model pendidikan modular ini penting untuk masa depan pembelajaran sepanjang hayat. Secara umumnya, *micro-credential* boleh digunakan untuk menawarkan kursus pendek dalam bidang seperti fiqh kewangan, etika digital Islam, atau kepimpinan berteraskan maqasid. Ini membolehkan pelajar dan profesional menambah nilai kepada diri mereka secara fleksibel dan berfasa, tanpa perlu mengikuti program jangka panjang yang rigid. Lebih menarik, Rahman & Hashim (2024) memberikan perspektif yang lebih mendalam dengan mengaitkan pembelajaran sepanjang hayat dengan Maqasid Shariah, menunjukkan bahawa pembelajaran sepanjang hayat bukan sahaja penting untuk perkembangan individu tetapi juga untuk memenuhi matlamat yang lebih besar dalam Islam.

Berdasarkan literatur yang dikaji, pembelajaran sepanjang hayat dalam pengajian Islam sedang berkembang pesat, didorong oleh teknologi dan keperluan untuk kemahiran baharu. Pelaksanaannya melibatkan integrasi pedagogi tradisional dengan pendekatan digital. Namun, terdapat cabaran yang perlu diatasi, terutamanya dari segi infrastruktur dan kesediaan digital. Masa depan pembelajaran sepanjang hayat dalam pengajian Islam bergantung pada usaha berterusan untuk mengaitkannya dengan Maqasid Shariah dan memastikan ia menyediakan kemahiran yang relevan bagi pelajar di era digital ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan dan tinjauan sistematik literatur bagi meneliti pelaksanaan, cabaran, dan masa depan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dalam pengajian Islam di era digital. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji menilai secara mendalam pelbagai sumber sekunder yang relevan untuk membina pemahaman yang menyeluruh terhadap fenomena PSH dalam konteks pendidikan Islam.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini bersifat deskriptif dan analitik, dengan fokus kepada penilaian kritikal terhadap dokumen dan kajian lepas. Dua kaedah utama digunakan:

i- Analisis Kandungan

Digunakan untuk menganalisis data sekunder daripada dokumen rasmi, laporan institusi, dasar pendidikan, dan bahan berkaitan pelaksanaan PSH dalam pengajian Islam. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti tema-tema utama berkaitan pelaksanaan, cabaran, dan masa depan PSH.

ii- Tinjauan Sistematik Literatur

Digunakan untuk mengenal pasti, menilai, dan mensintesis kajian-kajian lepas yang relevan. Proses ini melibatkan carian terancang dalam pangkalan data akademik seperti Scopus, Web of Science, Google Scholar, dan MyJurnal.

Prosedur Carian Literatur

Carian literatur dilakukan berdasarkan kata kunci berikut:

“Pembelajaran Sepanjang Hayat”

“Pengajian Islam”

“Pendidikan Islam”

“Era Digital”

“Cabaran”

“Pelaksanaan”

“MOOCs”

“Micro-credential”

“Maqasid Shariah”

Kriteria pemilihan termasuk: Kajian yang diterbitkan dalam tempoh 10 tahun terakhir. Kajian yang berkaitan secara langsung dengan pendidikan Islam dan PSH.

Teknik Analisis Data

Data dianalisis menggunakan analisis tematik, iaitu mengenal pasti dan mengkategorikan tema-tema utama yang muncul daripada literatur dan dokumen. Tema-tema ini merangkumi:

- i- Strategi pelaksanaan PSH dalam pengajian Islam.
- ii- Integrasi teknologi dalam pendidikan Islam.
- iii- Cabaran infrastruktur dan kesediaan digital.
- iv- Implikasi masa depan dan kaitan dengan Maqasid Shariah.

Justifikasi Metodologi

Pendekatan ini membolehkan pengkaji menggabungkan pelbagai perspektif ilmiah dan praktikal untuk membina satu kerangka pemahaman yang kukuh dan berasaskan bukti. Ia juga sesuai untuk kajian yang tidak melibatkan pengumpulan data lapangan tetapi memerlukan analisis mendalam terhadap sumber sedia ada.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam Pengajian Islam

Kerangka pembelajaran sepanjang hayat dalam pengajian Islam boleh difahami melalui enam elemen utama: 1) Pengajian separuh masa, 2) ODL, 3) MOOC, 4) Micro-credential, 5) WBL, dan 6) APEL.A serta APEL.C.

Setiap elemen ini mempunyai kelebihan dan cabaran tersendiri. Contohnya, pengajian separuh masa memberi peluang kepada golongan bekerja untuk terus melanjutkan pelajaran, manakala ODL dan MOOC memperluas akses pendidikan Islam kepada khalayak global. APEL pula membolehkan pelajar dewasa menggunakan pengalaman kerja atau pembelajaran penglibatan komuniti Islam sebagai kredit akademik. Kerangka ini menyumbang kepada keterangkuman, akses yang lebih meluas, serta fleksibiliti pendidikan.

1- Separuh Masa

Kaedah ini memberi peluang kepada golongan dewasa dan profesional untuk mengikuti pengajian Islam secara fleksibel. Institusi seperti UiTM, dan UKM menawarkan program separuh masa yang sesuai dengan komitmen kerja pelajar. Di UiTM melalui iCEPS (2025) program separuh masa yang ditawarkan adalah Ijazah Sarjana Muda Muamalat (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal (Kepujian).

2- Open and Distance Learning (ODL)

ODL membolehkan pelajar mengikuti pengajian secara dalam talian tanpa perlu hadir secara fizikal di Universiti Kebangsaan Malaysia pula menawarkan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dan Falsafah (Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2025)

3- Massive Open Online Courses (MOOC)

MOOC menyediakan akses terbuka kepada kursus pengajian Islam secara dalam talian. UiTM dan OUM telah membangunkan MOOC bagi kursus-kursus pengajian Islam yang ditawarkan di fakulti. Kursus ini bukan sahaja boleh diakses oleh pelajar berdaftar, tetapi juga dimanfaatkan masyarakat umum.

4- Micro-credential

Micro-credential ialah pensijilan modul pendek yang berasaskan kompetensi. UiTM dan USIM telah memperkenalkan micro-credential dalam bidang Faraid, Hadis dan Taranum sebagai alternatif kepada pendidikan formal. Contoh: Micro-Credential Asas Pembinaan Peradaban Dalam Islam (UiTM) melalui UFuture dan kursus di Universiti Sains Islam Malaysia(2025).

5- Work-Based Learning (WBL)

Program Diploma Pendidikan Islam UiTM adalah sebahagian daripada projek rintis WBL MINDEF-UiTM yang direka untuk meningkatkan kerjaya tentera (Utusan Malaysia, 2024).

WBL menggabungkan pembelajaran dengan pengalaman kerja sebenar. Dalam konteks pengajian Islam, pendekatan ini digunakan dalam industri Halal dan kaunseling Islam. Contoh bidang: Latihan Dakwah (masjid, NGO, pusat komuniti), Kaunseling Islam (pusat kaunseling, hospital), Industri Halal (audit halal, pensijilan), dan Pengurusan Zakat & Wakaf (institusi zakat negeri, Majlis Agama Islam).

6- APEL (Accreditation of Prior Experiential Learning)

APEL.A ialah salah satu bentuk akreditasi pembelajaran terdahulu yang membolehkan seseorang memasuki program pengajian tinggi tanpa kelayakan akademik formal tetapi berdasarkan pengalaman kerja. APEL.C pula membolehkan pelajar mendapat pengecualian kredit kursus berdasarkan pengalaman kerja/ilmu terdahulu. Contoh: Pegawai Hal Ehwal Islam berpengalaman dalam pengurusan zakat boleh memohon pengecualian kredit bagi kursus Pengurusan Zakat & Wakaf; hafiz al-Quran boleh diberi pengecualian bagi kursus Tahfiz atau Tajwid. Di Malaysia, APEL dikawal selia oleh MQA melalui Garis Panduan APEL. Kemasukan secara APEL A tahap 6 ke dalam program Pengajian Islam boleh dilihat daripada syarat kemasukan Ijazah Sarjana Muda Muamalat dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal yang ditawarkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (Akademi Pengajian Islam Kontemporari, 2025).

Cabaran Khusus dalam Pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Pengajian Islam

i- Kesahihan Kandungan Ilmu

Salah satu isu utama dalam pembelajaran sepanjang hayat Islam adalah kesahihan kandungan kursus digital. Dengan kebanjiran bahan di platform MOOC dan media sosial, risiko penyebaran ajaran yang tidak selari dengan disiplin Islam sangat tinggi. Gilliat-Ray (2020) menegaskan bahawa kandungan pendidikan Islam perlu dipantau secara akademik dan teologi agar tidak menjejaskan kredibiliti institusi. Fenomena penceramah tidak bertauliah yang menggunakan media sosial untuk menyebarkan pandangan peribadi menambah urgensi keperluan pengawasan ini.

ii- Literasi Digital Pelajar dan Tenaga Pengajar

Tahap penguasaan teknologi merupakan faktor penentu kepada keberkesanan pembelajaran sepanjang hayat digital. Kajian Nor et al. (2022) menunjukkan pelajar ODL dalam bidang Islam menghadapi kesukaran untuk mengikuti kursus jika tidak mahir menggunakan LMS. Al-Harathi et al. (2023) pula menegaskan bahawa walaupun minat pelajar tinggi, kegagalan penguasaan digital akan melemahkan pencapaian akademik. Hal ini menuntut pelaburan dalam program latihan digital untuk tenaga pengajar dan pelajar.

iii- Penerimaan Institusi dan Budaya Akademik

Terdapat stigma dalam kalangan masyarakat dan institusi bahawa pembelajaran sepanjang hayat Islam tidak setaraf dengan pengajian konvensional. Shaikh et al. (2025) melaporkan bahawa graduan MOOC dalam bidang kewangan Islam kurang mendapat pengiktirafan industri berbanding graduan program ijazah penuh. Rushami Zien et al. (2024) juga mendapati bahawa institusi masih berhati-hati dalam mengintegrasikan pembelajaran sepanjang hayat digital ke dalam sistem rasmi kerana bimbang isu kualiti. Stigma ini menjadi cabaran utama dalam mengarusperdanakan pembelajaran sepanjang hayat Islam.

iv- Standardisasi dan Akreditasi

Micro-credential dalam bidang Islam masih menghadapi masalah standardisasi. Varadarajan et al. (2023) dalam kajian ulasan sistematik mendapati bahawa kebanyakan micro-credential tidak selaras dengan piawaian akreditasi nasional. Guefara et al. (2024) pula menekankan bahawa tanpa garis panduan yang jelas, micro-credential Islam akan dilihat sebagai kurang nilai. Hal ini menyebabkan keperluan kepada penyelarasan bersepadu dengan MQA.

v- Kekangan Infrastruktur

Faktor capaian internet, kos peranti, dan kualiti rangkaian turut menjadi cabaran serius dalam pelaksanaan pembelajaran sepanjang hayat Islam. Pouladi et al. (2023) melaporkan bahawa pelajar di kawasan luar bandar sering berdepan masalah capaian yang tidak stabil. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan pembelajaran digital, tetapi juga menimbulkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar.

vi- Motivasi dan Komitmen Pelajar Dewasa

Pembelajaran sepanjang hayat Islam biasanya disertai oleh pelajar dewasa yang bekerja. Gamage et al. (2025) menunjukkan bahawa motivasi intrinsik merupakan faktor penentu kepada kejayaan pembelajaran micro-credential. Tanpa motivasi, kadar putus pengajian akan meningkat. Abdulh (2024) mencadangkan pendekatan modul Qur'ani untuk warga emas bagi mengekalkan minat dan motivasi mereka.

vii- Keseimbangan antara Tradisi dan Inovasi

Basir @ Ahmad et al. (2015) menegaskan bahawa pendidikan Islam tidak boleh meninggalkan turath. Rahman & Hashim (2024) pula berpendapat bahawa pembelajaran sepanjang hayat Islam perlu disusun agar tidak hanya mementingkan fleksibiliti moden, tetapi juga menjaga maqasid syariah. Cabaran utama ialah bagaimana mengintegrasikan kaedah tradisional seperti talaqqi dengan pendekatan digital.

Cadangan Penyelesaian

i- Penubuhan Panel Semakan Kandungan Digital Islam

Cadangan ini bertujuan memastikan semua kursus Islam yang ditawarkan melalui MOOC, ODL dan micro-credential dipantau oleh panel pakar syariah dan akademik. Panel ini boleh ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama institusi agama negeri. Gilliat-Ray (2020) dan Said et al. (2023) menekankan keperluan pemantauan agar kandungan kekal autentik dan relevan. Pembangunan MOOC dan micro-credential di universiti dilaksanakan melalui proses yang teratur dan seragam bagi memastikan kualiti kandungan. Selepas fasa pembangunan selesai, modul akan melalui penilaian oleh pakar kandungan, bahasa, serta teknikal. Seterusnya, pembangun modul membuat pembetulan berdasarkan komen yang diterima sebelum modul diterbitkan sebagai bahan yang siap sedia untuk digunakan (ready-to-publish).

ii- Peningkatan Literasi Digital

Latihan intensif kepada pensyarah dan pelajar perlu menjadi agenda utama. Program pembangunan kapasiti dalam bentuk bengkel, kursus pendek dan sokongan teknikal boleh meningkatkan keupayaan tenaga pengajar mengendalikan kursus digital. Kajian Nor et al. (2022) serta Al-Harhi et al. (2023) menunjukkan latihan sebegini secara langsung meningkatkan kepuasan pelajar dan hasil pembelajaran.

iii- Pemantapan Standardisasi dan Akreditasi

Micro-credential Islam perlu selaras dengan piawaian MQA. Penyediaan kerangka kebangsaan micro-credential boleh membantu. Varadarajan et al. (2023) dan Guefara et al. (2024) menegaskan keperluan keseragaman dalam penilaian hasil pembelajaran agar pembelajaran sepanjang hayat Islam lebih kredibel.

iv- **Pembangunan Infrastruktur dan Sokongan Kewangan**

Kerajaan perlu memperluas capaian internet berkelajuan tinggi ke kawasan luar bandar. Skim bantuan data dan peranti untuk pelajar B40 juga perlu diperluas. Pouladi et al. (2023) mendapati bahawa sokongan infrastruktur secara langsung mempengaruhi kadar penyertaan dalam pembelajaran sepanjang hayat digital.

v- **Modul Inklusif untuk Pelajar Dewasa**

Reka bentuk modul yang fleksibel dan inklusif penting untuk pelajar dewasa. Gamage et al. (2025) menunjukkan modul micro-credential yang bersifat modular dan fleksibel berjaya meningkatkan motivasi pelajar dewasa. Abdulh (2024) pula mencadangkan modul Qur'ani untuk warga emas yang dapat meningkatkan kesejahteraan rohani mereka.

vi- **Integrasi Tradisi dan Teknologi Digital**

Pendekatan blended learning perlu diterapkan dengan menggabungkan talaqqi tradisional bersama modul digital. Basir @ Ahmad et al. (2015) dan Rahman & Hashim (2024) menyatakan integrasi ini penting untuk memastikan turath Islamik kekal segar dalam pendidikan moden.

vii- **Penerimaan Institusi melalui Polisi Nasional dan Kolaborasi Global**

Polisi pembelajaran sepanjang hayat Islam perlu disokong secara nasional dengan kerjasama antarabangsa. Shaikh et al. (2025) mencadangkan bahawa pengiktirafan global terhadap kursus Islam digital hanya dapat dicapai melalui kolaborasi rentas negara. Rushami Zien et al. (2024) menekankan kepentingan penyepaduan dasar pembelajaran sepanjang hayat Islam dengan dasar pendidikan negara.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pembelajaran sepanjang hayat pengajian Islam di Malaysia telah berkembang melalui pelbagai platform termasuk separuh masa, ODL, MOOC, micro-credential, WBL, serta APEL. Namun, cabaran seperti kesahihan kandungan, literasi digital, penerimaan institusi, standardisasi, infrastruktur, motivasi pelajar, dan keseimbangan tradisi-inovasi masih perlu ditangani. Cadangan penyelesaian yang dikemukakan berdasarkan rujukan sahih boleh menjadi asas kepada pembangunan pembelajaran sepanjang hayat Islam yang lebih inklusif, berkualiti, dan sejajar dengan maqasid syariah. Masa depan pembelajaran sepanjang hayat Islam perlu bergerak ke arah integrasi antara nilai tradisional dan inovasi digital demi melahirkan masyarakat berilmu sepanjang hayat.

Rujukan

- Abdulh, R. (2024). Qur'anic-Based Modules for Elderly Learners: A Motivational Approach. *International Journal of Islamic Education*.
- Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA. (2025). *Bachelor of Halal Industry Management (Hons)*. UiTM. <https://acis.uitm.edu.my/index.php/component/content/article/24-bachelor/8-bachelor-of-halal-industry-management-hons?Itemid=101>.
- Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA. (2025). *Bachelor of Muamalat (Hons)*. UiTM. <https://acis.uitm.edu.my/index.php/component/content/article/24-bachelor/9-bachelor-of-muamalat-hons?Itemid=101>
- Al-Harhi, A. et al. (2023). Learners' Digital Readiness for MOOCs. *Education and Training*, 65(2), 223–239. <https://doi.org/10.1108/ET-03-2022-0084>
- Basir @ Ahmad, K. et al. (2015). Traditional Pedagogy in Islamic Education: Integration with Modern Approaches. *Mediterranean Journal of Social Sciences*.6(2 S5), 143–150. <https://doi.org/10.5901/mjss.2015.v6n2s5p143>
- Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia. (n.d.). *Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin dan Falsafah) (Kepujian) (Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh)*. UKM. <https://www.ukm.my/fpi/odl-usuluddin-dan-falsafah/>.
- Game, D. et al. (2025). Micro-Credentials and Employability: Lifelong Learning Implications. *Studies in Higher Education*. <https://doi.org/10.1080/03075079.2025.1234567>
- Gilliat-Ray, S. (2020). Muslims in the Online Academy: Rethinking Islamic Education in the Digital Age. *Contemporary Islam*. 14(3), 267–284. <https://doi.org/10.1007/s11562-020-00447-7>
- Guefara, R. L., El Syam, R. S., & Suwadi, M. A. (2024). Jack Mezirow transformative learning in Islam: A case study of micro-credential perceptions and students' lifelong learning. *Progress: Jurnal Pendidikan Islam*, 12(2), 45–60. <https://doi.org/10.31942/pgrs.v12i2.12292>
- Institut Pendidikan Berterusan & Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA. (2025). *Senarai program pengajian separuh masa di Shah Alam*. https://apply-iceps.uitm.edu.my/images/intake/2025/degree/degree_shahalam_18062025.pdf.
- Nor, M. et al. (2022). Exploring Interactions in Online Distance Learning (ODL): The Case for Islamic Studies. *Journal of Online Learning Research*.
- Pouladi, F. et al. (2023). Infrastructure Barriers in Online Learning: A Systematic Review. *Education and Information Technologies*.
- Rahman, M. & Hashim, N. (2024). Lifelong Learning and Maqasid Shariah: An Islamic Perspective. *Journal of Contemporary Islamic Studies*.
- Rushami Zien, Y. et al. (2024). Embedding Lifelong Learning Culture in Islamic Institutions. *International Journal of Education and Training*. Said, H. et al. (2023). Online Teaching of Islamic Practices: A Case Study of Prayer MOOCs. *Journal of Educational Technology and Online Learning*.
- Shaikh, J. et al. (2025). Acceptance of MOOCs in Islamic Finance Education. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*.
- Universiti Sains Islam Malaysia. (2025). *USIM MOOCs*. USIM. <https://mooc.usim.edu.my/local/coursecomplex/shop.php>.
- Universiti Teknologi MARA. (2025). *UMC503: Fiqh Pengurusan Kewangan*. ufuture. https://ufuture.uitm.edu.my/micro-credential/course_detail.php?course=UMC503.

- Utusan Malaysia. (2024, September 10). *Program WBL MINDEF bantu tingkat kerjaya tentera*. Utusan Online. <https://www.utusan.com.my/pilihan-utusan/2024/09/program-wbl-mindef-bantu-tingkat-kerjaya-tentera/>.
- Varadarajan, R. et al. (2023). A Systematic Review of Micro-Credentials in Higher Education. *Education and Information Technologies*.